

**Pelancongan Malaysia Mahu Kurangkan Pejabat Di Seberang Laut
Bernama
19 Januari, 2013
Oleh Saraswathi Muniappan**

NEW DELHI, 19 Jan (Bernama) - Pelancongan Malaysia merancang mengurangkan jumlah pejabatnya di seberang laut bagi menjimatkan kos operasinya.

Pengarah Bahagian Pemasaran Antarabangsa (Asia Selatan/Asia Barat/Afrika), Zulkifly Md Said berkata, pada masa ini, terdapat 44 pejabat seluruh dunia, di mana 38 merupakan agensi sepenuhnya dengan kakitangan dari ibu pejabat di Malaysia.

"Malaysia mempunyai jumlah tertinggi pejabat pelancongan seluruh dunia. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meminta kami untuk meneliti semula perkara itu," kata beliau.

Perancangannya ialah mengurangkan jumlah berkenaan serta menjadikan beberapa pejabat sepenuhnya kepada hanya agensi pemasaran, kata beliau kepada Bernama di Pameran Pertukaran Pengembaraan dan Pelancongan Asia Selatan (SATTE), yang berakhir pada hari Jumaat.

Difahamkan yang pejabat yang mungkin ditutup ialah Stockholm di Sweden, Vancouver (Kanada), Phuket (Thailand) dan Milan di Itali.

"Kami juga meninjau untuk melantik Ejen Jualan Am (GSA) untuk beroperasi di beberapa pasaran. Contohnya, di bahagian timur India," kata Zulkifly.

Antaranya, pejabat GSA di Calcutta pada masa ini sedang diusahakan.

Melantik GSA bukan hanya membantu mengurangkan kos operasi tetapi juga promosi, kerana ia adalah berdasarkan kepada perkongsian, kata beliau.

"Kami akan menyediakan sokongan yang diperlukan. Mereka perlu komited dan memastikan kerjasama itu berhasil dan sasaran dipenuhi," kata Zulkifly.

Malaysia ialah antara destinasi pelancongan yang paling popular di Asia tenggara. Sektor itu menyumbang hampir 12 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara.

Malaysia berhasrat menarik 26.8 juta pelancong semasa Tahun Melawat Malaysia 2013-14.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922857>